

# Tanah runtuh, 700 penghuni 4 flet dipindah

Oleh Adha Ghazali

**K**UALA LUMPUR: Lebih 700 penghuni empat blok flet kos rendah Seksyen 10 Wangsa Maju, dipindahkan serta-merta selepas berlaku tanah runtuh bersebelahan dua blok lima tingkat flet berkenaan dipercayai akibat hujan lebat, kira-kira lima minit masuk waktu berbuka puasa, semalam.

Tanah runtuh sedalam kira-kira enam meter itu berlaku jam 7.10 malam, lima minit selepas masuk waktu Maghrib, menyebabkan kawasan pembuangan sampah flet serta bahagian tepi sebuah rumah runtuh.

Selain itu, enam kereta serta beberapa motosikal milik penghuni dilaporkan terperosok di celah keretakan jalan belakang bangunan terbabit, selain ada yang hampir ditimbus tanah.

Difahamkan, ketika kejadian, sebahagian besar penghuni flet sedang menikmati juadah berbuka puasa sempat menyelamatkan diri sebaik mendengar bunyi letupan serta jeritan penghuni lain.

Seorang saksi, Nor Fazli Abdul Karim, 24, berkata dia menyedari kejadian itu apabila menyaksikan sendiri tanah bersebelahan blok B5 mulai mendap sedikit demi sedikit kira-kira jam 7 petang.

“Menyedari semakin banyak tanah runtuh, saya kemudian menjerit meminta penghuni mengalihkan kenderaan di jalan belakang flet, sebelum tiba-tiba satu letupan kuat disusuli runtuh tanah serentak di belakang blok B4 dan B5,” katanya ketika ditemui, malam tadi.

Penghuni rumah yang paling teruk terjejas, Nurul Nur Ariani, 22, berkata mendapati tanah bersebelahan rumahnya disedari sejak Rabu lalu sebelum disusuli keretakan pada lantai serta dinding rumah.

Katanya, keadaan bagaimanapun bertambah teruk tiga hari lalu, selepas dinding bilik hujung rumah mulai terpisah dari dinding utama sebelum runtuh dalam kejadian pagi semalam.

“Kami sudah melaporkan mengenai



**KEADAAN BERBAHAYA:** Runtuh tanah dan retakan di jalan belakang flet kos rendah Seksyen 10 Wangsa Maju, malam tadi.

keretakan serta mendapan tanah itu beberapa hari lalu kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), tetapi tiada tindakan diambil. Mujurlah tiada sebarang kemalangan jiwa dan semua penghuni selamat.

“Paling saya risaukan, keadaan bapa saya yang lumpuh sehingga memaksa jiran mengusungnya keluar bersama tilam sejurus sebelum sebahagian daripada rumah kami runtuh,” katanya.

Sementara itu, sepasukan 36 anggota Bomba dan Penyelamat Wangsa Maju dan Jalan Hang Tuah dengan

tiga jentera bergegas ke tempat kejadian sebelum mengarahkan semua penghuni mengosongkan empat bangunan yang terjejas iaitu Blok B3, B4, B5 dan B6.

Komandan Operasinya, Md Ali Ismail, berkata pihaknya terpaksa mengarahkan semua penghuni mengosongkan bangunan selepas mengesan berlaku kebocoran pada saluran gas, selain sebagai langkah keselamatan untuk mengelakkan berlaku lebih banyak runtuh.

Sehingga jam 12 malam, pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ja-

batan Pertahanan Awam (JPA3), DBKL dan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) turut ditempatkan sekiranya keadaan runtuh bertambah teruk.

Sementara itu, Menteri Wilayah Persekutuan yang juga Ahli Parlimen Wangsa Maju, Datuk Zulhasnan Rafique ketika melawat tempat kejadian berkata, kejadian runtuh itu dianggap serius kerana ia begitu hampir dengan dua daripada empat blok yang dikhuatiri terjejas.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu pula meminta kontraktor

Lebuh Raya Duta-Hulu Kelang (DUKE) untuk melaksanakan kerja pembaikan di kawasan berlakunya tanah runtuh di Wangsa Maju.

“Saya sudah mengarahkan kontraktor supaya memulakan kerja secepat mungkin. Saya juga meminta Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) menyasiat kejadian tanah runtuh itu dan mengemukakan laporan penuh mengenai kejadian berkenaan,” katanya ketika dihubungi di London yang kini sedang menghadiri Kongres Sedunia ke-13 Sistem Pengangkutan Antarabangsa.